

Tarikh Dibaca: 01 Julai 2016

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“ZAKAT FITRAH MENYEMPURNAKAN
IBADAH PUASA”***

***Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**





“ZAKAT FITRAH MENYEMPURNAKAN IBADAH PUASA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَمَا
تُقَدِّمُوا لِأَنفُسِكُمْ مِّنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ ^{قُلْ} إِنَّ اللَّهَ بِمَا
تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ^١

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ.

¹ Surah al-Baqarah; 110



Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya menyeru kepada sidang jemaah sekalian supaya kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya di dunia dan di akhirat.

Bersempena dengan hari dan bulan yang istimewa pada kali ini, khatib ingin mengajak sidang Jumaat menghayati khutbah yang bertajuk **"ZAKAT FITRAH MENYEMPURNAKAN IBADAH PUASA"**.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Kewajipan menunaikan zakat fitrah mengandungi banyak hikmah dan kelebihan yang dijanjikan oleh Allah SWT kepada kita. Antara hikmahnya adalah:

1. Zakat fitrah adalah sebagai penyucian diri kita atas dosa-dosa yang telah kita lakukan dan menutup kekurangan sepanjang berpuasa di bulan Ramadhan. Riwayat daripada Ibnu Abbas RAnhuma beliau memberitahu bahawa;

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ زَكَاةَ الْفِطْرِ طُهْرَةً
لِلصَّائِمِ مِنَ اللُّغْوِ وَالرَّفَثِ وَطُعْمَةً لِلْمَسَاكِينِ،
مَنْ أَدَّاهَا قَبْلَ الصَّلَاةِ فَهِيَ زَكَاةٌ مَقْبُولَةٌ، وَمَنْ
أَدَّاهَا بَعْدَ الصَّلَاةِ فَهِيَ صَدَقَةٌ مِنَ الصَّدَقَاتِ.



"Rasulullah SAW mewajibkan zakat fitrah untuk menyucikan orang yang berpuasa dari kata-kata yang sia-sia dan kotor dan sebagai makanan bagi orang-orang miskin. sesiapa menunaikannya sebelum solat ('Idulfitri) maka itu adalah zakat yang diterima, dan sesiapa menunaikannya selepas solat maka itu hanyalah merupakan sedekah dari sedekah-sedekah (biasa)".

(Abu Daud dan Ibnu Majah).

2. Zakat fitrah diwajibkan kepada semua umat Islam tanpa mengira umur, jantina dan latar belakang ekonomi bertujuan supaya setiap umat Islam berpeluang untuk berkongsi rezeki dengan orang susah yang lain. Ia boleh ditunaikan di awal Ramadhan dan wajib diselesaikan sebelum solat 'Idulfitri. Diriwayatkan daripada Abdullah bin Umar RAhuma beliau berkata bahawa;

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ فَرَضَ زَكَاةَ الْفِطْرِ مِنْ
رَمَضَانَ عَلَى النَّاسِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ
شَعِيرٍ عَلَى كُلِّ حُرٍّ أَوْ عَبْدٍ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى مِنْ
الْمُسْلِمِينَ .

"Rasulullah SAW mewajibkan zakat fitrah pada bulan Ramadhan atas orang-orang sebanyak satu gantang kurma atau satu gantang gandum atas setiap orang merdeka atau hamba, baik lelaki mahupun perempuan dari kaum muslimin".

(Imam Muslim).



3. Zakat fitrah adalah kaedah yang diatur oleh Allah SWT untuk menyatukan hati ummah dan mewujudkan rasa mahabbah dan kebersamaan tanpa mengira pangkat dan darjat. Golongan fakir dan miskin yang menerima zakat akan berasa gembira dalam menjalani ibadah puasa dan menyambut Eidilfitri. Bahkan, amalan menggembirakan hati sesama manusia merupakan amalan yang paling disukai oleh Allah SWT. Hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Umar RAnhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Orang yang paling dicintai oleh Allah SWT ialah orang yang banyak memberi manfaat kepada masyarakat, dan amalan yang paling Allah sukai ialah kegembiraan yang dimasukkan dalam hati seorang muslim, atau menghilangkan baginya kesulitan, atau menyelesaikan hutang-piutangnya, atau menghilangkan baginya kelaparan”.

(Imam at-Tabrani).

4. Allah SWT menjanjikan keberkatan, pertambahan rezeki, kebahagiaan dan ganjaran pahala yang besar kepada hamba-Nya yang menunaikan zakat. Lebih-lebih lagi sekiranya menunaikan zakat dan bersedekah di bulan Ramadhan yang mulia ini. Sebaliknya, Nabi SAW memberikan amaran yang keras terhadap manusia yang bersikap bakhil terhadap sesama manusia sepertimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda;

الْبُخِيلُ بَعِيدٌ مِنَ اللَّهِ، بَعِيدٌ مِنَ الْجَنَّةِ، بَعِيدٌ
مِنَ النَّاسِ، قَرِيبٌ مِنَ النَّارِ



"Orang yang bakhil jauh daripada Allah; jauh dari syurga; jauh dari manusia dan hampir dengan neraka".

(Imam at- Tirmidzi).

Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,

Untuk makluman tuan-tuan sekalian, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah menetapkan harga zakat fitrah di Negeri Selangor bagi tahun 2016 ialah sebanyak **RM7.00** seorang.

Oleh itu, tunaikanlah zakat fitrah sebagai memenuhi tanggungjawab kita kepada Allah SWT dan terhadap sesama manusia.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Berdasarkan laporan kutipan dan agihan zakat fitrah di Negeri Selangor, pada tahun 2015 sebanyak RM21.5 juta telah diperolehi daripada umat Islam yang menunaikan zakat fitrah di negeri ini. Pada tahun yang sama juga, pihak zakat Selangor telah mengagihkan sebanyak RM30.2 juta kepada 44,293 keluarga asnaf fakir dan miskin di Negeri Selangor ini sebagai persiapan mereka menyambut Ramadhan dan Hari Raya Idulfitri.

Oleh itu, khatib ingin berpesan kepada sidang Jumaat sekalian, bersempena dengan bulan Ramadhan yang mulia ini, bersegeralah melunaskan kewajipan zakat fitrah demi beroleh ganjaran pahala yang besar disisi Allah SWT, bahkan golongan fakir dan miskin di negeri ini juga akan dapat menikmati zakat yang tuan-tuan tunaikan lebih awal untuk mereka menyambut Idulfitri dengan gembira.

Sesungguhnya kegembiraan yang dinikmati oleh fakir dan miskin adalah disebabkan sifat kasih sayang yang dizahirkan melalui ibadah zakat yang kita semua tunaikan. Natiujahnya, Allah SWT menurunkan rahmat dan keberkatan



serta menerbitkan rasa kasih sayang dalam hati setiap jiwa muslim yang melahirkan ukhuwah dan kesatuan ummah tanpa mengira darjat dan pangkat sesama manusia.

Oleh itu, umat Islam diseru supaya menunaikan zakat kepada amil-amil yang telah dilantik oleh Lembaga Zakat Selangor untuk menjaga masalah umat Islam di Negeri Selangor.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah ini, umat Islam hendaklah mengambil langkah-langkah seperti berikut;

1. Umat Islam hendaklah menunaikan zakat fitrah dengan seikhlas hati kerana Allah SWT.
2. Umat Islam hendaklah melaksanakan ibadah puasa dan ibadah-ibadah yang lain dengan baik dan sempurna.
3. Umat Islam hendaklah membayar zakat fitrah dengan lebih awal kerana untuk mengelakkan kesulitan kepada umum sekiranya membayar pada saat-saat akhir.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ
عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ



"Ambilah (sebahagian) daripada harta mereka sebagai zakat, supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa dan akhlak yang buruk) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); serta doakanlah untuk mereka, (ini kerana) sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman jiwa bagi mereka. (Ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui".

(Surah at-Taubah ; 103).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrem yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.



Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Dalam membuat persiapan menyambut Idulfitri Al-Mubarak kali ini, sekali lagi mimbar mengucapkan selamat menyambut Idulfitri dan berhati-hati memandu ketika pulang ke kampung halaman. Justeru, perlu diingat bahawa kadar kemalangan sebagaimana yang telah dilaporkan adalah pada tahap yang amat membimbangkan kita. Ianya semakin meningkat dari tahun ke tahun berdasarkan perangkaan tahun 2010 sehingga 2015 yang telah dikeluarkan oleh Polis diraja Malaysia.

Sepanjang tahun 2015 sahaja, sebanyak 489,606 kes kemalangan jalanraya telah berlaku dengan jumlah melebihi 6 ribu kemalangan maut yang mengakibatkan hampir 7 ribu kematian kepada pengguna jalanraya di seluruh Malaysia. Secara puratanya, kemalangan yang meningkat melebihi 13 ribu kes berbanding tahun 2014 yang lalu merekodkan bahawa kemalangan berlaku pada kadar melebihi 1300 kes sehari dengan kehilangan hampir 20 nyawa sehari sepanjang tahun 2015.

Oleh itu, elakkanlah diri kita semua daripada terlibat dengan nahas dan kerugian yang tidak diduga tersebut agar diri dan seluruh ahli keluarga dapat sama-sama mengecapi nikmat dan kegembiraan dalam menyambut hariraya nanti.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ



الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى

أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ

سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ اِبْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ

الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ
وَالْتَوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيَوْلِيَ عَهْدِ



سَلَاغُور، تَعَكُو أَمِير شَاه إِبْن السُّلْطَان شَرَفُ
الدِّين ادریس شاه الحاج فی أَمْن وَصَلَاح وَعَافِیةٍ
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَال وَالْإِكْرَام. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِیْنِ لِلْمُوَظَّفِیْنَ وَالرَّعِیَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِیْقِ الْهُدٰی وَالرَّشَادِ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللّٰهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

**
JAIS/Nurul
10.06.2016